

Kursus Ilmiah Ecopark, membudayakan penyelidikan kalangan pelajar UMS

UB 14.3.2019 B2

KOTA KINABALU: Kediaman Ecopark Universiti Malaysia Sabah baru-baru ini menganjurkan sebuah program berbentuk ilmiah iaitu Kursus Ilmiah Ecopark.

Program ini dijalankan dalam usaha membudayakan penyelidikan di kalangan mahasiswa/i UMS khususnya pelajar-pelajar tahun akhir.

Menurut Ketua Jabatan Hal Ehwal Pelajar Universiti Malaysia Sabah, Ahmadi Nurdin, program-program ilmiah yang julung-julung kali diadakan melalui kolej

kediaman seperti ini adalah suatu program yang baik untuk diketengahkan kerana ia bukan sahaja memberikan pangsapuri kepada peserta program malahan kepada jawatankuasa pelaksana program itu sendiri khususnya dalam mengendalikan program ini melalui penglibatan secara kolektif dengan pihak Fakulti Psikologi dan Pendidikan Universiti Malaysia Sabah.

Penyertaan daripada beberapa orang pelajar daripada pelbagai fakulti antaranya termasuklah FPEP, FSMP, FKSJ dan lain-lain

lagi membuktikan pelajar-pelajar tahun akhir UMS berminat untuk memahami dengan lebih mendalam akan penyelidikan dan juga aplikasi perisian SPSS.

Program ini dihadiri oleh penceramah khas daripada Fakulti Psikologi dan Pendidikan, Universiti Malaysia Sabah, Dr Muhammad Idris Bullare@Hj Bahari, Pengetua Kediaman Ecopark, Wijaya Kamal Ramlan, barisan felo dan JAKMAS Kediaman Ecopark, Universiti Malaysia Sabah.



SESI bergambar Bersama Ketua Jabatan Ahmadi Nurdin, Penceramah Jemputan Dr Muhammad Idris Bullare@Hj Bahari, Pengetua Kolej Kediaman, Wijaya Kamal Ramlan bersama peserta kursus.